

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
[IGAN]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 34

Y.B. TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menyediakan perkhidmatan Bank Simpanan Nasional (BSN) di daerah Daro, Mukah memandangkan jumlah penduduk yang semakin ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Simpanan Nasional (BSN) telah menyediakan perkhidmatan perbankan di daerah Daro, Mukah, menerusi Ejen Berdaftar BSN seperti di alamat berikut:

1. GS Time Telecommunication
No 17, Main Bazaar
96000 Daro, Sarawak
Mula beroperasi : 21 Disember 2012

2. Koperasi SMK Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Normah
KM 2, Jalan Itol
96000 Daro, Sarawak
Mula beroperasi: 31 Mac 2015

3. Kazry Kamarudin
Kampung Badong
96000, Daro, Sarawak
Mula beroperasi: 11 Disember 2012

Jumlah purata penduduk di daerah Daro, Mukah yang telah mendapat manfaat daripada penubuhan Ejen Berdaftar BSN tersebut adalah seramai 3600 orang. Di antara perkhidmatan yang ditawarkan menerusi Ejen Berdaftar BSN di daerah tersebut adalah seperti perkhidmatan pembukaan akaun, perkhidmatan berkaitan simpanan, pengeluaran tunai, pembayaran bil utiliti, pembelian e-Sijil Simpanan Premium BSN, tambah nilai prabayar telefon bimbit dan perkhidmatan pembelian tanpa tunai.